

23 APR 2001

Nazri-Francais

SERAMAI 79 FRANCAISI DAPAT PINJAMAN RM21.6 JUTA

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Seramai 79 orang francais telah diberi pinjaman RM21.6 juta di bawah skim pinjaman berkadar faedah rendah Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai usaha membangunkan perniagaan francais.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Nazri Aziz berkata skim pembiayaan francais ini bagaimanapun hanya terbuka kepada usahawan yang menjadi francais kepada syarikat-syarikat francais yang berdaftar dengan kementerian.

"Kementerian berharap bilangan penyertaan syarikat-syarikat francais dan francais induk dalam program pembangunan francais serta bilangan pelantikan francais-francais akan meningkat pada kadar yang lebih memberangsangkan," katanya ketika merasmikan pembukaan kiosk Skylark Restaurant di Pusat Membeli-belah Mid Valley di sini, hari ini.

Beliau berkata, bantuan kewangan juga disediakan kepada syarikat yang berminat untuk membangunkan perniagaan mereka sebagai perniagaan francais dengan 21 buah syarikat telah dibantu dengan RM1.11 juta setakat ini.

Kata Nazri, kementerian juga berhasrat untuk melihat lebih ramai usahawan bumiputera di dalam perniagaan francais dapat dilahirkan seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai pembukaan kiosk Skylark, ia diharap dapat mempelopori konsep pembekalan makanan bermasak dari dapur berpusat dan penggunaan sistem komputer "on-line" untuk tempahan, katanya.

Nazri berkata konsep yang baru bagi industri makanan negara ini itu telah digunakan secara meluas di Jepun menjadikan ia lebih kompetitif dan berdaya maju.

Skylark Restaurant merupakan outlet makanan yang popular di Jepun dengan rangkaian 2,500 buah restoran di seluruh negara itu.

-- BERNAMA

MHI AHH MOZ